

06/09/1997

Rasuah: Rakyat boleh jatuh miskin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Prestasi pembangunan negara akan merosot dan semua rakyat menjadi miskin jika rasuah tidak dihapuskan segera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mengingatkan perwakilan Umno hari ini, apabila rasuah menjadi budaya bangsa, kos semua perkara merangkumi urusan kerajaan sehingga ke pengeluaran barangan atau perkhidmatan dan harga jualan, akan meningkat.

"Semua akan menjadi miskin walaupun memiliki pendapatan yang tinggi, kerana segala-galanya mahal. Mereka yang terbabit dengan rasuah juga akan menerima akibatnya kerana mereka akan hidup dalam negara mundur dan miskin serta dipandang hina oleh rakyat dan bangsa asing," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di perhimpunan agung parti itu.

Presiden Umno itu berkata, rasuah akan menyebabkan semua kerja mengambil masa yang panjang dan tiada ketentuan dalam apa jua urusan bank, baik dari segi kos atau masa.

Beliau yang mengupas secara terperinci bagaimana padah rasuah apabila gejala itu menular kepada menteri, perdana menteri atau sektor swasta menegaskan, rasuah boleh menyebabkan orang tamak, tidak maruah dan tidak layak, dipilih memimpin parti dan kerajaan.

"Orang seperti ini tetap akan menyalahgunakan kuasa untuk memperkayakan diri ketika memegang jawatan dan untuk menentukan ia terus disokong. Rakyat akan disogok dengan duit kerajaan yang sepatutnya diguna untuk pembangunan negara, untuk kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan hidup kita semua," katanya.

Menurut Perdana Menteri, segala-galanya menjadi mahal kerana unsur rasuah perlu dimasukkan dalam semua urusan. Budak pejabat pun boleh memaksa dirinya disogok untuk pelanggan mendapat sesuatu, manakala mereka yang di atas tidak akan melarang budak pejabat menerima rasuah kerana mereka juga mahu bahagian mereka.

"Dan seterusnya hingga ke menteri dan Perdana Menteri. Orang atas ini yang menerima sogokan yang diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan tidak mungkin melarang serta mendisiplinkan sesiapa di bawah mereka.

"Segala kos urusan dengan kerajaan akan naik kerana sogokan kepada semua peringkat - pegawai, kakitangan dan menteri. Kemudian bank pula akan terbabit dan kos modal serta segala pinjaman akan menjadi lebih daripada hanya kos faedah. Sogokan kepada pegawai bank yang dikenali football money amat berleluasa tidak lama dulu.

"Apabila sesuatu barang berkurangan dan sukar didapati, sogokan diperlukan untuk mendapatkannya walaupun daripada peniaga. Demikian juga dengan semua khidmat penting, baik daripada kerajaan atau swasta," katanya.

(END)